



---

**KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR  
PEPERIKSAAN AKHIR**

---

**NAMA KURSUS : SEJARAH SENI DAN SENIBINA**  
**KOD KURSUS : DRD 1043**  
**PEPERIKSAAN : OKTOBER 2019**  
**MASA : 2 JAM 30 MINIT**

---

**ARAHAN KEPADA CALON**

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:  
BAHAGIAN A (20 Markah)  
BAHAGIAN B (50 Markah)  
BAHAGIAN C (30 Markah)
2. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
3. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperolehi untuk sesi peperiksaan ini:
  - i. Kertas Soalan
  - ii. Kertas Jawapan Objektif
  - iii. Buku Jawapan

---

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

---

*KERTAS SOALAN INI MENGANDUNGI 12 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN*

---

11

○

○


**BAHAGIAN A**

Bahagian ini mengandungi **DUA PULUH (20)** soalan.

Jawab SEMUA dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Tamadun Roman terbahagi kepada tiga zaman, iaitu
  - A Republik, Empayar dan Akhir.
  - B Permulaan, Empayar dan Akhir.
  - C Ceaserian, Julius, dan Constantin.
  - D Micenoan, Micenean, dan Mynieon.
  
2. Apakah fungsi utama senibina *Pont Du Gard* dibina ketika tamadun Roman?
  - A Sebagai mercu tanda kemenangan peperangan.
  - B Sebagai mercu tanda pintu masuk ke kawasan bandar.
  - C Sebagai sistem peparitan yang membekalkan air ke rumah-rumah.
  - D Sebagai sistem peparitan yang mengalirkan sisa kumbahan daripada rumah.
  
3. Antara berikut, yang manakah fungsi utama *Forum* dalam senibina *Roman*?
  - A Tempat jeneral-jeneral perang menjalankan sesi latihan.
  - B Tugu peringatan bagi peristiwa yang berlaku seperti kemenangan.
  - C Pentas di tengah bandar untuk memberi ceramah dan pengumuman.
  - D Bangunan kerajaan untuk mengadakan mesyuarat dan perbincangan.
  
4. Mengapakah Senibina Greek banyak bersifat terbuka dan banyak melibatkan aktiviti luar?
  - A Bahan binaan tamadun Greek sukar untuk diperolehi bagi pembinaan.
  - B Geografi tamadun Greek yang berada di kepulauan dan persisiran pantai.
  - C Kepercayaan kuno Greek yang mempercayai roh hidup selepas kematian.
  - D Tamadun Greek terkenal dengan aktiviti-aktiviti perdagangan antarabangsa.


Soalan 5 dan 6 berdasarkan gambarajah 1 dibawah :



Gambarajah 1

5. Tiang (*Column*) X dikenali sebagai
- Tiang Greek Ionic.
  - Tiang Greek Doric.
  - Tiang Greek Tuscan.
  - Tiang Greek Corinthian.
6. Tiang (*Column*) Y dikenali sebagai
- Tiang Greek Ionic.
  - Tiang Greek Doric.
  - Tiang Greek Tuscan.
  - Tiang Greek Corinthian.
7. Gaya senibina ini berkembang ketika kemuncak zaman pertengahan dan zaman akhir eropah, dan diteruskan oleh gaya senibina Renaissance.
- Senibina Gotik.
  - Revolusi Industri.
  - Revolusi Pembinaan.
  - Senibina Romanesque.
8. Berikut adalah tokoh-tokoh seni zaman Renaissance, **kecuali**
- Raphael.
  - Donatello.
  - Ferragamo.
  - Michelangelo.

Soalan 9,10 dan 11 berdasarkan gambarajah 2 di bawah:



Gambarajah 2

9. Namakan struktur **V** ?

- A *Nave Roof.*
- B *Vault Roof.*
- C *The Gargoyle.*
- D *The Flying Buttresses.*

10. Namakan ruang **W** ?

- A *The Aisle.*
- B *Main Altar.*
- C *The Gallery.*
- D *Hall of Mirror.*

11.

- Bagi menambah berat dan kestabilan bangunan
- Merupakan ciri-ciri utama bagi senibina gotik di eropah
- Penyokong tambahan dinding dan struktur utama bangunan

Pernyataan di atas merujuk kepada

- A *V.*
- B *W.*
- C *Trieorium.*
- D *Clerestory.*

12. Berikut merupakan hasil seni arca zaman Renaissance, **kecuali**

A



C



B



D



13. Siapakah pelukis bagi potret terkenal pada **gambarajah 3** di bawah?



**Gambarajah 3**

- A Castello Amario.
- B Gambatista Valli.
- C Leonardo Da Vinci.
- D Mies Van De Rohe.


14. Pada abad ke-5 Masihi, kerajaan empayar Roman berpecah kepada dua, iaitu Constantinople di timur, dan kerajaan \_\_\_\_\_ di barat.

- A Rothchild
- B Istanbul
- C Ravenna
- D Mykonos

15. Byzantium merujuk kepada

- A Nama asal kota Greek yang menjadi pusat perdagangan terkemuka.
- B Kota Roman yang merupakan tempat kelahiran Maharaja Constantin.
- C Nama asal kota Roman yang dipengaruhi tamadun ilmu Islam dan Kristian.
- D Kota Greek yang merupakan tempat permulaan penyebaran agama Kristian.

Soalan 16 dan 17 berdasarkan carta 1 di bawah:



Carta 1

16. Gaya rekabentuk yang terdapat di Y ialah

- A Art Pop.
- B Art Deco.
- C Art Nouveau.
- D Art and Crafts.


17. Arkitek atau pereka yang terdapat di Z ialah

- A Zaha Hadid
- B Le Corbusier
- C Antoni Gaudi
- D Norman Foster

18. Terma *Socialism* yang digunakan ketika *Arts and Craft Movement* ini bermaksud

- A Pertembungan dua budaya dan gaya senibina.
- B Pergaulan bebas antara pereka-pereka silam dan moden.
- C Mengurangkan penggunaan mesin dan meningkatkan hasil kerja tangan.
- D Tidak menggunakan teknologi moden yang ditemui ketika revolusi industri.

19. Rajah di bawah menggambarkan proses lakaran idea bagi gaya rekabentuk



Gambarajah 4

- A Senibina Hi-Tech.
- B Senibina Art Deco.
- C Senibina Deconstruction.
- D Senibina Revolusi Industri.

20. Piet Mondrian dianggap penyumbang besar gerakan seni

- A *De Stijl*.
- B *Art Deco*.
- C *Judgenstil*.
- D *Modernism*.

[20 MARKAH]



**BAHAGIAN B**

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Buku Jawapan.

**SOALAN 1**

a. Apakah yang dimaksudkan dengan Revolusi Industri?

(2 markah)

b. Senaraikan **empat(4)** faktor yang menyumbang kepada perkembangan Revolusi Industri.

(4 markah)

c. Senaraikan **empat(4)** kesan Revolusi Industri kepada masyarakat global

(4 markah)

**SOALAN 2**

Gaya *Art and Crafts Movement*, *Art Nouveau* dan *Art Deco* merupakan gaya-gaya reka bentuk awal yang berkembang cepat di sekitar Eropah dan Amerika pada penghujung abad ke-19 dan abad ke-20

a. Senaraikan **dua(2)** perbezaan di antara gaya *Art And Crafts*, *Art Nouveau* dan *Art Deco* dalam bentuk jadual berikut.

Art and Crafts	Art Nouveau	Art Deco

(6 markah)

b. Mengapakah gaya *Art Nouveau* digelar sebagai gaya moden pertama?

(2 markah)

c. Mengapakah gaya rekabentuk *Art Nouveau* dikenali juga sebagai gaya reka bentuk *Total Arts*?

(2 markah)

## SOALAN 3

a. Huraikan **dua(2)** ciri-ciri senibina Byzantin.

(4 markah)

b. Seni mural yang diperbuat daripada mozek merupakan salah satu contoh hasil seni yang dapat dilihat ketika tamadun Byzantin. Huraikan **dua(2)** ciri-ciri tema dan motif mural mozek tersebut.


(4 markah)

c. Berikan **dua(2)** contoh senibina Byzantin.

(2 markah)

## SOALAN 4

a. Namakan bahagian-bahagian dan fungsi yang terdapat pada **V, W, X, Y, dan Z** pada rajah keratan senibina piramid di bawah.



(10 markah)

## SOALAN 5

- a. Senibina *International Style* banyak dilihat pada bangunan pencakar langit sekitar tahun 1920-1960. Apakah **tiga(3)** ciri-ciri khas bagi bangunan pencakar langit yang menggunakan *International Style* sebagai konsep reka bentuk?  
(3 markah)
- b. Apakah faktor yang mempengaruhi pergerakan *The International Style*?  
(2 markah)
- c. Apakah yang dimaksudkan dengan *Functionalism*?  
(2 markah)
- d. Slogan *Form Follows Function* yang diperkenalkan oleh Louis Sullivan dijadikan sebagai rujukan dalam Senibina *Functionalism*. Sebagai seorang perekabentuk dalaman, bagaimanakah anda menggunakan interpretasi slogan tersebut?  
(3 markah)

**[50 MARKAH]**


**BAHAGIAN C**

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja di dalam Buku Jawapan.


**SOALAN 1**

Berdasarkan gambar objek yang diberikan di bawah, lakarkan rupa bentuk Deconstruction objek tersebut hasil idea anda sendiri.

Contoh Jawapan:




i.



ii.




iii.



iv.



v.



(15 markah)

## SOALAN 2

- a. Lakarkan contoh rekabentuk setiap kategori berikut mengikut gaya rekabentuk yang disenaraikan dalam jadual di bawah.

Kategori	Gaya Rekabentuk		
	Art Nouveau	Art Deco	De Stijl
A. Senibina			
B. Perabot			
C. Corak / Lukisan			

(9 markah)

- b. Lakarkan bangunan-bangunan berikut:
- i. *Villa Savoye*
  - ii. *The Falling Water*
  - iii. *Sagrada Familia*

(6 markah)

## SOALAN 3

Senibina tamadun awal menyaksikan ciptaan dan inovasi struktur serta bahan binaan yang terus digunakan sehingga masa kini. Lakarkan struktur-struktur binaan berikut:

- a. *Barrel Vault*
- b. *Groin Vault*
- c. *Rib Vault*
- d. *Egyptian Column*
- e. *Gothic Pinnacle*

(15 markah)

**[30 MARKAH]**

KERTAS SOALAN TAMAT

